

Mohd Sah Muda  
cnews@nstp.com.my

### Mersing

**P**enyu Agar yang ditemui mati di Pulau Sibudu di sini, semalam dipercayai berpunca daripada kejadian minyak hitam hanyut di kawasan perairan itu.

Pengarah Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) Johor Bahrinah Bahrim berkata, pihaknya mendapat maklumat dari pengusaha sebuah pusat peranginan di pulau itu selepas pekerjanya menemui penyu di pantai pulau berkenaan.

"Hasil pemeriksaan mendapati ada cecair pekat warna hitam keluar daripada bangkai perut penyu itu dipercayai akibat memakan minyak hitam terbabit.

"Cecair hitam itu dikesan di dalam usus penyu berkenaan. Dipercayai cecair hitam terbabit adalah daripada bebola tar yang hanyut di sekitar perairan Pulau Sibudu sejak 10 Mac lalu," ka-

**FAKTA**  
Penyu betina dewasa seberat 60 kilogram dipercayai mati seminggu lalu



ANGGOTA JTLM memeriksa bangkai penyu Agar yang ditemui mati, semalam.

# Minyak hitam dalam usus

## ■ Bangkai penyu Agar ditemui di Pulau Sibudu

tanya.

Menurutnya, penyu betina dewasa itu dianggarkan seberat 60 kilogram dan dipercayai mati sejak seminggu lalu kerana keadaan bangkainya yang busuk.

Katanya, lima anggota JTLM Johor ditugaskan me-

meriksa bangkai penyu itu dan menanaminya di kawasan pantai pulau berkenaan.

Beliau meminta semua pihak yang berkaitan lebih bertanggungjawab dalam menjalankan pemeriksaan dan pembersihan kapal rekreka.

Katanya, ini bagi mengelakkan kesan buruk kepada hidupan marin.

"Saya memuji komuniti Pulau Sibudu kerana memberihkan segera pantai dan tumpahan minyak dalam usaha memulihara kelestarian pulau ini," katanya.